

# 1001 Masalah

Abu Al-Mukhtar Sedia Menjawab



## Golongan dan orang-orang munafik moden

Saifuddin Muhammad, Kampung Baharu, Kuala Lumpur, bertanya: Bolehkah orang yang pada satu masa cuba berkata-kata di dalam mengenai agama lalu mencabar dan mencela-cela dengan tidak berbatas kepada golongan-golongan lain, ulama umpamanya, supaya di dalam jiwa umat-umat Islam yang terdiri daripada orang-orang awam itu benci kepada ulama dan membawa akibat mereka berpaling daripada agamanya itu, disebut sebagai kaum munafik? Harap tuan dapat menerangkan bagaimana keadaan kaum munafik itu, cara mereka bekerja dan hukum-hukum yang diperintahkan supaya dibuat kepada mereka.

Jawab: Untuk ini mustahak lebih dahulu kita memberi penjelasan tentang orang-orang munafik, perbuatannya dan kelakuannya pada zaman Nabi. Munafik itu ringkasnya ialah orang yang bermuka-muka yang mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu. Apabila mereka mendapati ada maslahat-maslahat atau tidak dapat menentang sesuatu maka mereka pura-pura mengikuti atau taat kepada perintah-perintah Allah dan rasul-Nya, tetapi di belakang itu mereka berusaha untuk menumbangkan Islam. Di dalam zaman Nabi kepala kaum munafik ialah ‘Abd Allāh bin Ubay. Bagi orang-orang yang munafik jawapan ini dipersilakan mengkaji lebih mendalam bagaimana caranya mereka bekerja untuk meruntuhkan kedudukan Islam dan bagaimana mereka bersedia diperalat oleh musuh-musuh Islam supaya kedudukan Islam jatuh – seperti yang terjadi dalam Perang Badar, Uhud dan lain-lainnya.

Riwayat itu terang dan nyata bahawa tujuan mereka adalah diperalat oleh anasir-anasir lain dan selain daripada berasa benci kepada kemajuan Islam daripada diri mereka

sendiri, mereka bekerjasama pula untuk meruntuhkan kedudukan orang-orang Islam dengan memasuki XXX<sup>1</sup> Islam itu menanam kebencian-kebencian dan XXX<sup>2</sup> nama Islam busuk dan binasa.

Marilah pula kita perbandingkan dengan XXX<sup>3</sup> sekarang, bagaimana munafik-munafik moden itu bekerja XXX<sup>4</sup> keadaan dunia sekarang, ada dua golongan besar di dalam XX ini yang menghimpit kedudukan Islam – XXX<sup>5</sup> (termasuk orang-orang salib) dan Komunis, orang yang tidak bertuhan dan golongan-golongan sosialis.

Golongan-golongan pemodal-pemodal telah memasuki XXX<sup>6</sup> Islam, dengan terlebih dahulu menyelidik kelemahan-kelemahan XXX<sup>7</sup> sesudah mereka mengerti maka mereka bekerja XXX<sup>8</sup> hidupkan di dalam jiwa pemuda-pemudanya XXX<sup>9</sup> mabuk kebendaan. Kemudian mereka memburuk-burukkan alim XXX<sup>10</sup> digambarkan mereka alim ulama itu sentiasa XXX<sup>11</sup> sentiasa kotor sehingga anak-anak muda yang sudah mabuk kebendaan itu terus benci memandang mereka. XXX<sup>12</sup> anak-anak muda itupun enggan hampir kepadanya – jangankan hampir, dekat pun tidak mahu kerana mereka XXX<sup>13</sup> jijik kepada alim ulama itu.

Mereka gunakan wang mereka menuap mana-mana lebai yang boleh disuap untuk memecahkan perpaduan umat Islam diapi-apikan mereka satu puak dengan satu puak yang lain, dihidup-hidupkan mereka perasaan perpecahan di dalam mazhab-mazhab sehingga berlakulah perkelahian dan perbunuhan di antara golongan-golongan mazhab itu. Itu umum berlaku di mana-mana, di India, di Mesir dan seterusnya ke Indonesia sehingga sampai ke tanah air kita ini. Raja pecah belah di dalam golongan ini yang besarnya ialah penjajah Inggeris. Banyak darah yang tumpah dibuat mereka.

Golongan Komunis dan Sosialis – mulanya berterang-terang yang mereka menyatakan anti-Tuhan tetapi setelah mendapati bahawa langkah mereka yang berterang-terang itu tidak akan berjaya menghadapi umat Islam, maka mereka menyatakan

<sup>1</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>2</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>3</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>4</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>5</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>6</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>7</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>8</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>9</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>10</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>11</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>12</sup> Teks asal tidak jelas.

<sup>13</sup> Teks asal tidak jelas.

bebas, tidak memberati orang yang beragama. Dalam pada itu mereka pun membuat kerja-kerja munafik.

Di hadapan-hadapan umum orang-orang mereka disuruh mengatakan bahawa Sosialis itu tidak bertentangan dengan agama – agama Islam juga ada mengajar faham Sosialis.

Munafik-munafik ini tidak segan-segan memasuki masjid-masjid menyampaikan seruan-seruan bahawa mereka adalah taat kepada Allah dan cinta kepada agama sekalipun untuk itu tatkala masuk di dalam masjid mereka “bersembahyang” untuk menipu rakyat.

Keluar daripada masjid mereka menjadi peminum arak.

Mereka gunakan segala apa juu jalan untuk menarik hati umat Islam dan di sebalik itu mereka tanam babit benci-membenci di antara satu dengan lain. Jika pada zaman Nabi cara ini dari mulut sahaja, pada zaman moden akhbar adalah menjadi lambang memecahkan perpaduan umat Islam. Penulis-penulis muda yang tidak mempunyai perdirian dan tidak beriman, disogok. Apabila kena sogok mereka gelap mata lalu menjalankan langkah menggunting di dalam lipatan. Mereka menghidup-hidupkan di dalam akhbaranya perpecahan di dalam agama. Bahas-bahas atau pertelingkahan agama dibesar-besarkan mereka. Segolongan disokong mereka dan mana-mana golongan yang tidak perkenan mereka, segala jawapan atau hujah mereka diketepikan. Alim ulama dijadikan sasaran untuk diserang, dibodoh-bodohtkan. Kitab-kitab agama yang tua-tua dicela dan banyak lagi padahal mereka sendiri tidak bekerja memperbaikinya.

Mereka menghamburkan perkataan-perkataan dengan berleluasa. Tujuannya tidak lain supaya umat Islam tidak dapat bersatu, berbenci-bencian di antara satu dengan lain. Mereka hanya menimbulkan kebencian dan perpecahan – mencela dan mencela tetapi tidak sedikit pun beramal untuk mengutamakan apa yang dikatakan mereka.

Ini dibuat mereka tujuannya tidak lain hanya untuk memecahkan perpaduan umat Islam supaya pemuda-pemudanya jauh daripada agamanya dan melupakan sama sekali tanggungjawab

mereka berjihad pada jalan Allah.

Untuk ini maka dihidup-hidupkan mereka kebudayaan-kebudayaan yang dikatakan kebudayaan kebangsaan – di sanalah tempatnya untuk membentuk pemuda-pemuda itu jadi orang-orang pelanggar hukum-hukum agama Islam. Semuanya adalah dibuat rangkanya dengan sebegini rupa sehingga dengan mudahnya mereka membentuk orang-orang yang munafik di dalam agama itu bekerjasama dengan mereka untuk meruntuhkan perpaduan orang-orang Islam.

Apabila kita perhatikan keadaan orang-orang munafik zaman Nabi dan munafik zaman moden, maka tidak berbeda bahkan munafik zaman moden lebih-lebih berbahaya dan membawa lebih banyak kepada kecelakaan. Mereka pura-pura patuh kepada perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya, tetapi hakikatnya mereka adalah memecahkan kepercayaan umat Islam dan membawa kesesatan kepada pemeluknya.

Luarnya mereka Islam tetapi batin mereka tidak percaya kepada Allah dan rasul-Nya dan menolak segala hukum Islam.

Bagaimanakah kalau mereka mati? Al-Tabarī, di dalam tafsirnya menyatakan bahawa ketika ketua munafik mati, ‘Abd Allāh bin Ubay, anaknya datang mendapatkan Nabi anaknya ialah seorang sahabat Nabi yang terkemuka. Ia datang kepada Nabi untuk meminta Nabi (S.A.W.) menyembahyangkan jenazah ayahnya dan meminta Nabi mendoakan semoga Allah mengampunkan dosa ayahnya itu.

Oleh kerana si mati itu seorang ketua kaum yang banyak pengikutnya maka Rasulullah (S.A.W.) pun menerima permintaan anak si mati itu dengan harapan supaya pengikut-pengikutnya yang banyak itu dapat dipimpin kepada Islam yang sebenarnya – Islam zahir dan batin.

Apabila Rasulullah (S.A.W.) hendak menyembahyangkan jenazahnya, tiba-tiba Saiyidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb bertanya kepada baginda Rasulullah (S.A.W.), katanya:

“Ya Rasulullah, tidakkah Allah *Subḥānahu wa Ta ‘ālā*

telah melarang tuan supaya jangan sembahyangkan orang-orang munafik?”

Pada ketika itu Nabi (S.A.W) menjawab: Tidak!

Tuhanku hanya menyuruh aku memilih dengan firman-Nya:

“*Istaghfir lahum aw lā tastaghfir lahum ...* (Mintakanlah ampun bagi mereka atau jangan meminta ampun bagi mereka ...)

Kemudian Rasulullah (S.A.W.) pun menyembahyangkannya.

Setelah berlaku peristiwa itu lalu Tuhan menurunkan tegahan yang tegas dan tepat dengan firman-Nya:

*Wa lā tuṣalli ‘alā aḥadīn minhūm māta abadan wa lā taqum ‘alā qabrihi innahū kafarū billāhi wa rasūlihi wa mātū wa hum fāsiqūn.*

Ertinya: “Dan janganlah sekali-kali engkau sembahyangkan

seseorang dari antara mereka yang mati, dan janganlah

engkau berdiri di atas kuburnya, kerana sesungguhnya

mereka itu tidak percaya kepada Allah dan rasul-Nya dan

menolak segala hukum Islam”.

Begitulah dihukumkan Allah terhadap kepada orang-orang munafik, zaman Nabi. Sekarang apakah bezanya di antara munafik zaman Nabi dengan munafik moden? Menurut pengertian kita tidak ada bezanya. Kerana itu kalau dia mati maka janganlah ada di antara umat Islam yang menyembahyangkan jenazahnya dan mengiringnya ke kubur serta jangan sekali mendoakannya dalam kubur. Mudah-mudahan alim ulama yang bertanggungjawab dapat memberi fatwa yang terang dan jelas terhadap orang-orang seperti ini.

## Siri Sejarah Hidup Nabī Muḥammad

*ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ălihi wa sallam*

Disusun oleh

**Edrus**

Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukanan pelajaran Sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshīm bin ‘Abd Manāf, 2. ‘Abd al-Muttalib, Nenda Baginda, 3. ‘Abd Allāh dan Āminah – Ayah Bonda Nabi, 4. Hari Diperanakkkan, 5. Ḥalīmah al-Sa‘diyyah, 6. Yatim Piatu, 7. Berkahwin Dengan Sītī Khadījah, 8. Menerima Wahyu.

Buku ini mengandungi 24 buah. Sambungannya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30 sen senaskhah. Belanja mengirim 10 sen.



Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura.**